



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/03/21 (HQ)

### PERUNTUKAN RM85 JUTA TNB PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR DI NEGERI KELANTAN

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** pada tahun ini memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM85 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Kelantan.

Menurut Pengurus Besar Negeri (Kelantan), Bahagian Pembahagian TNB, Dato' Ir. Md.Yuslan Md.Yusof, sebahagian daripada peruntukan adalah bertujuan untuk memperkuuhkan lagi sistem bekalan elektrik di kawasan Tanah Merah.

Tambah beliau lagi, TNB Negeri Kelantan juga sentiasa berusaha memastikan gangguan bekalan elektrik dikurangkan seminima mungkin agar kepuasan pengguna dapat dioptimumkan dan tiada pihak yang mengalami kerugian.

Menurut beliau lagi, tempoh gangguan bekalan elektrik di Negeri Kelantan pada tahun lalu merekodkan catatan yang rendah iaitu hanya 31 minit setiap pengguna pada tahun 2014/2015.

Ir. Md.Yuslan turut menyeru kepada para pengguna supaya menggunakan elektrik secara berhemah, selamat, dan bijak iaitu dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan bagi mengelakkan kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Di majlis tersebut, TNB turut menyumbangkan sebanyak RM20,000.00 untuk membaik pulih surau SK Gual Ipoh untuk kegunaan komuniti di seluruh Kawasan Parlimen Tanah Merah untuk kemudahan orang ramai.

Turut hadir, Ahli Parlimen Tanah Merah , YB Dato' Ikmal Hisyam Abdul Aziz, Ahli Dewan Undangan Negeri Gual Ipoh, YB Tuan Bakri@ Mohd Bakri Mustapha dan Ketua Suruhanjaya Tenaga Kelantan /Terengganu, Puan Hajah Nora binti Abd.Ghani

**Dikeluarkan di Gual Ipoh, Tanah Merah, Kelantan pada 20 Mac 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*